



- | |
|---|
| <p>1. PENOLONG PENYELIA KEGIATAN LUAR
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.9 (\$1,910 - \$2,650 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 5</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) i) Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
- ii) Sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam mengelolakan dan mentadbir bidang kegiatan luar serta mempunyai rekod perkhidmatan baik.
2. Mempunyai kepakaran atau rekod penglibatan yang aktif dalam kegiatan kokurikulum adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENYELIA KEGIATAN LUAR:

1. Mengelolakan dan menyelaraskan kejohanan / peraduan bagi semua kegiatan luar yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum untuk Sekolah-Sekolah / Maktab-Maktab.
2. Menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan kegiatan-kegiatan luar yang ada kaitannya dengan acara-acara Sekolah-Sekolah / Maktab-Maktab.
3. Membantu Sekolah-Sekolah / Maktab-Maktab dalam merancang atau memajukan pelaksanaan kegiatan Sekolah-Sekolah / Maktab-Maktab.
4. Melawat Sekolah / Maktab dalam merancang atau memajukan pelaksanaan kegiatan Sekolah-Sekolah / Maktab-Maktab yang dilawat.



5. Menghadapkan laporan tahunan kepada penyusun / ketua bahagian atas kegiatan-kegiatan luar sekolah / maktab yang dikelolakan dan diselaraskan di Daerah / Kawasan yang dipertanggungjawabkan.
6. Bertanggungjawab memajukan dan meninggikan prestasi guru dan pelajar bagi penglibatan mereka dalam hal ehwal kegiatan luar di Sekolah / Maktab.
7. Menerima arahan-arahan dari Penyelia, Penyusun, Ketua-Ketua Bahagian dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pendidikan Kokurikulum.
8. Melaksanakan lain-lain tugas yang di arahkan oleh Pengarah, Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan Ketua-Ketua Bahagian di Jabatan Pendidikan Kokurikulum.